

Kaedah Orton Gillingham dalam Kemahiran Membaca

Azah Bte Abdul Aziz

azah_abdul_aziz@schools.gov.sg

Aminah Bte Ahmat

aminah_ahmat@schools.gov.sg

Sekolah Rendah East Spring

Abstrak

Fonik amat penting untuk kanak-kanak membina kemahiran asas membaca yang melibatkan bunyi huruf dan gabungan huruf untuk menyebut suku kata. Kaedah Orton Gillingham merupakan satu kaedah bacaan asas yang sering digunakan untuk murid-murid disleksia. Kaedah yang telah diubah suai ini melibatkan murid-murid Darjah 1 yang masih belum fasih membaca. Terdapat tiga peringkat pelaksanaan kaedah ini yang telah diubah suai. Pada peringkat pertama, murid-murid membunyikan huruf, kemudian, mereka mengaitkan huruf dengan gambar dan akhir sekali, murid cuba mengeja dengan menggabungkan huruf. Di akhir kajian ini, murid-murid didapati mampu membaca suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan lancar.

Kata Kunci: Fonik, disleksia, bunyi huruf, gabungan huruf, lancar

PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran asas yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak akan diperolehi menerusi pengalaman-pengalaman biasa yang lain.

Goodman (1971, 1973) dan Smith (1971,1975) berpendapat membaca adalah proses psikolinguistik yang bermula dari detik pembaca itu memerhatikan perkataan pada muka surat hingga detik pembaca itu dapat membentuk makna dan menyebutnya. Hal ini bermakna sepanjang proses membaca terdapat interaksi antara bahasa dengan pemikiran.

PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid didapati tidak mampu membunyikan dan menyebut huruf vokal, konsonan dengan betul. Mereka juga tidak boleh mencantumkan dua suku kata bagi membentuk perkataan. Kaedah yang sesuai dengan profil murid perlu digunakan. Beberapa teknik membaca awal telah dijadikan panduan. Profil murid menunjukkan bahawa mereka semua telah melalui sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman belajar di peringkat prasekolah. Namun begitu, masih terdapat murid yang lemah mengeja dan tidak dapat mencantumkan dan membunyikan suku kata dengan tepat.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan teknik membezakan bunyi huruf; dan
2. menyebut lambang huruf dan gabungan bunyi kata untuk membentuk perkataan dalam memperingkat kemahiran asas membaca.



KAJIAN LEPAS

Yahya (2005) menyatakan bahawa membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca untuk memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang memberi makna kepada murid.

Zulkifley (2006), pula berpendapat, murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah akan menunjukkan gangguan emosi seperti kurang sopan dan kurang tumpuan terhadap pembelajaran. Fitur-fitur ini mempengaruhi kebolehan murid membaca.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Pada awalnya, kajian ini melibatkan 60 orang murid Darjah 1 yang menjalani ujian saringan. Berdasarkan ujian yang dijalankan, 14 orang murid yang memperoleh markah paling rendah disertakan dalam kajian ini. Markah mereka berada dalam lingkungan 0 – 11%. Bilangan akhir subjek kajian terdiri daripada 10 orang murid lelaki dan 4 orang murid perempuan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik kepada ibu bapa, ujian saringan lembaran kerja dan ujian diagnostik.

Borang soal selidik

Tujuan borang soal selidik adalah untuk mendapatkan maklumat tentang profil murid seperti latar belakang murid dan pendidikan prasekolah murid.



Ujian saringan

Ujian saringan menguji kebolehan murid-murid menyelesaikan Latihan Bahasa. Murid-murid dikehendaki mengisi tempat kosong dengan suku kata yang sesuai, memilih digraf dan diftong yang sesuai, menggunakan frasa yang telah disediakan, membaca ayat dan memilih frasa yang sesuai berdasarkan gambar yang telah diberikan, menyusun ayat, memilih perkataan yang sesuai berpandukan kata bantu dan gambar yang telah disediakan dan akhir sekali, menjawab soalan kefahaman.

Ujian Diagnostik

Ujian Diagnostik 1- Murid-murid telah diberikan satu petikan bagi Ujian Diagnostik 1. Berdasarkan ujian ini, guru-guru dapat memantau keupayaan murid membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Ujian ini bertujuan untuk menyemak kemahiran menyebut bunyi huruf, membaca suku kata dan akhirnya membaca ayat. Murid-murid diuji dari segi sebutan, kekuatan suara dan kelancaran membaca. Guru juga dapat menguji keupayaan membaca murid setelah menjalani kaedah Orton Gillingham.

Sebagai persediaan sebelum menjalani ujian, lembaran kerja telah digunakan untuk menilai kefahaman murid dari segi membezakan bunyi, mengaitkan gambar kepada bunyi huruf, menggabungkan suku kata untuk menjadikan perkataan dan menyusun perkataan untuk dijadikan ayat.

Ujian Diagnostik 2 - Murid-murid dikehendaki membaca 100 patah perkataan yang telah disediakan oleh MLCS.

Prosedur Kajian

Pada peringkat awal kajian, guru memantau kebolehan bacaan murid. Guru memperkenalkan Fail Huruf yang telah dimodifikasi dari kaedah Orton Gillingham. Kaedah Orton Gillingham ini telah diubah suai dan dijalankan dengan kesemua 14 murid Darjah 1 yang masih belum fasih membaca.



Intervensi

Tahap 1 - Fail Bunyi Huruf terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama mempunyai kesemua 19 konsonan (tidak termasuk huruf q dan x) dan 6 vokal (termasuk 2 e: /e-taling/ & /e-pepet/) diberikan kepada murid. Murid cuba membunyikan kesemua huruf yang terdapat dalam fail itu. Bahagian kedua mempunyai huruf berserta gambar. Murid membunyikan huruf dan menyebutkan nama gambar yang tertera di kad yang sama.

Tahap 2 - Pada tahap kedua, kad imbasan digunakan sebagai bahan ujian. Kad imbasan yang digunakan terdiri daripada kad konsonan, vokal dan suku kata. Kad konsonan berwarna lemak ketam manakala kad suku kata dibahagikan kepada lima jenis dan warna– Suku kata a (biru), suku kata i (hijau), suku kata u (ungu), suku kata o (merah jambu) dan suku kata e (kuning). Murid cuba membaca kad suku kata dan mencantumkan dua kad untuk dijadikan perkataan.

Tahap 3 - Pada tahap yang terakhir ini, murid didedahkan kepada 4 jenis kad permainan bahasa. Permainan bahasa tersebut ialah:

1. Kad Bunyi Awalan Vokal - Kad vokal a,e,i, o dan u disusun di atas meja. Murid mencari kad bergambar dan meletakkan kad tersebut di bawah kad vokal yang betul.
2. Kad Snap – Kad vokal, suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Permainan ini mempunyai kad vokal, kad suku kata terbuka dan kad suku kata tertutup. Setiap murid mendapat beberapa kad suku kata. Murid pertama meletakkan sekeping kad di atas meja dan diikuti dengan murid seterusnya. Jika kad mereka sama, mereka meletakkan tangan di atas kad dan menyebut bunyi suku kata yang tertera di kad itu.
3. Asingkan Suku Kata - Setiap murid diberikan kad tugas (*task card*) berukuran saiz A4. Mereka mengambil sekeping kad imbas yang mempunyai perkataan, misalannya 'itik'. Kemudian, mereka mencari kad vokal 'i' dan kad suku kata 'tik' untuk melengkapkan perkataan tersebut.

4. Eja dan Baca - Setiap murid diberikan kad tugas (*task card*). Mereka mengambil kad bergambar, mengeja perkataan dan menyusun kad-kad bergambar tersebut di kad (*task card*).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan pencapaian murid-murid berdasarkan ujian saringan dan ujian diagnostik yang telah dijalankan.

Jadual 1 : Pencapaian Murid

No	Murid	Ujian Saringan (%)	Diagnostik 1 (%)	Diagnostik 2 (%)
		Latihan Bahasa	Bacaan	100 perkataan dari MLCS
		(30 markah)	(5 markah)	(100 markah)
1	A1	0	3	84
2	B2	4	1	22
3	C3	6	3	98
4	D4	0	3	92
5	E5	11	5	100
6	F6	0	2	37
7	G7	1	1	13
8	H8	0	4	98
9	I9	11	3	100
10	J10	2	2	17
11	K11	10	4	100
12	L12	6	3	85
13	M13	6	3	94
14	N14	5	5	98



Jadual 2 : Peratusan Murid

Peratus Markah	Bilangan murid / Peratusan murid	Bilangan murid / Peratusan murid	Bilangan murid / Peratusan murid
	Latihan Bahasa	Bacaan	100 perkataan dari MLCS
100	-	-	3 (21.43%)
91 - 99	-	-	2 (14.28%)
81 - 90	-	-	1 (7.14%)
71 - 80	-	-	-
61 - 70	-	-	-
51 - 60	-	-	-
41 - 50	-	-	-
31 - 40	-	-	1 (7.14%)
21 - 30	-	-	1 (7.14%)
11 - 20	2 (14.28%)	-	2 (14.28%)
5 - 10	5 (35.71%)	2 (14.28%)	-
3 - 4	1 (7.14%)	8 (57.14%)	-
1 - 2	2 (14.28%)	4 (28.57%)	-
0	4 (28.57%)	-	-

Setelah melalui proses intervensi dengan menggunakan kaedah Orton Gillingham, secara keseluruhan prestasi murid menunjukkan peningkatan. Markah yang diperoleh bagi Ujian Diagnostik 1 dan Ujian Diagnostik 2 lebih tinggi daripada markah yang diperoleh bagi Ujian Saringan.

Ujian Saringan

Ujian Saringan ini telah dijalankan semasa murid ini berada di Darjah 1. Tiada murid yang lulus pada Ujian Saringan. Peratusan markah yang paling tinggi ialah 11 % dan yang terendah ialah 0 %. Sebanyak 5 murid memperoleh markah yang berada di dalam lingkungan 5 - 10 %. 4 murid mendapat markah 0%.

Ujian Diagnostik 1

Merujuk kepada Ujian Diagnostik 1, terdapat 4 orang murid yang telah gagal. Peratusan markah yang paling tinggi ialah 5% dan yang terendah ialah 1%.

Kebanyakan orang murid memperoleh markah sebanyak 3%. Hanya 2 orang murid yang mendapat markah penuh 5% manakala 2 murid mendapat markah 0%.

Ujian Diagnostik 2

Merujuk kepada Ujian Diagnostik 2 iaitu 100 perkataan dari MLCS, hanya 4 orang murid yang gagal. Peratusan markah yang paling tinggi ialah 100% dan yang terendah ialah 13%. Merujuk kepada Jadual 2, kebanyakan murid memperoleh markah 71 - 80%. Terdapat 4 orang murid yang mendapat markah 81 - 90% manakala 2 orang murid mendapat markah 0 - 10%.

Pembelajaran Di Rumah (HBL)

Pembelajaran di Rumah (HBL) merupakan pembelajaran yang dilaksanakan oleh murid di rumah. Terdapat dua jenis HBL, iaitu:

1. Pembelajaran **Synchronous** - pembelajaran secara langsung (*live*) pada masa yang ditetapkan.
2. Pembelajaran **Asynchronous** - pembelajaran berlaku tidak secara langsung dan selalunya dalam bentuk rakaman dan pembelajaran teradun.

Pelaksanaan HBL boleh berbentuk gabungan kedua-dua jenis pembelajaran HBL secara **Synchronous** dan **Asynchronous**. Semasa tempoh pemutus rantaian jangkitan COVID-19, pengkaji telah memastikan bahawa PdP tetap dijalankan selaras dengan keperluan kurikulum. Pengkaji telah membina bahan-bahan di portal SLS supaya murid dapat menjalankan pembelajaran di rumah dengan berkesan. Bahan-bahan yang dibentuk disesuaikan dengan tahap keupayaan murid.

Pengkaji memilih pembelajaran secara *Synchronous* dan *Asynchronous*. Pengkaji menjalankan pengajaran secara *Asynchronous* sekali dalam seminggu. Pengajaran secara *Asynchronous* ini menggunakan slaid powerpoint yang telah dirakam audionya. Bahan ini dimuat naik ke dalam portal SLS. Murid-murid akan menjalankan pembelajaran secara sendiri.



Pengajaran *Synchronous* pula dilakukan menerusi sidang 'Zoom'. Pengkaji telah menjalankan pembelajaran yang disesuaikan dengan penggunaan buku teks dan aktiviti CEKAP. Pengkaji juga menyediakan bahan pengajaran 'digraf' (dua huruf berturut-turut yang mewakili satu bunyi) seperti 'ng' dan 'ny' dan 'diftong' seperti 'ai' dan 'au' dan 'oi' untuk mengukuhkan bacaan murid di rumah.

Selanjutnya, pengkaji juga memberikan kad bacaan kepada murid untuk dibawa pulang. Fungsi kad ini adalah untuk memupuk minat membaca bersama ibu bapa. Semasa sesi membaca bersama ibu bapa, manfaat yang dapat diraih ialah ibu bapa dapat menerangkan makna kosa kata dan mengembangkan daya imaginasi anak-anak mereka. Secara tidak langsung, anak-anak dapat membaca dengan lebih lancar.

Apabila murid pulang ke sekolah, pengkaji telah mengulang kaji bunyi huruf, menggabungkan huruf menjadi suku kata, membaca perkataan dan seterusnya ayat. Pengkaji mendapati bahawa murid-murid yang mendapat bimbingan ibu bapa di rumah mula menunjukkan peningkatan dalam bacaan. Sementara murid yang kurang mendapat bimbingan masih lagi menghadapi kesukaran dalam bacaan. Pengkaji telah memberikan insentif kepada murid yang menunjukkan kesungguhan dengan memulangkan kad bacaan yang telah ditandatangani oleh ibu bapa.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua murid tidak boleh membaca sebelum kajian dijalankan tetapi prestasi mereka bertambah baik setelah menjalani kaedah Orton Gillingham. Pada Ujian Diagnostik 1, 80% orang murid lulus ujian membaca. Hanya 2 orang murid sahaja yang gagal ujian membaca. Begitu juga dengan Ujian Diagnostik 2. Kedua-dua murid yang gagal tidak menjalani ujian disleksia. Seorang daripada mereka mempunyai dua orang abang yang telah dikenal pasti disleksia.

Peratusan Markah bagi Ujian Diagnostik 1 menunjukkan bahawa kaedah Orton Gillingham memberi kesan kepada murid-murid sehingga mereka mendapat markah yang tinggi. Bagi Ujian Diagnostik 2 pula, markah murid lebih rendah daripada markah Ujian Diagnostik 1 kerana mereka sudah tidak



menjalani kaedah Orton Gillingham selama 4 bulan. Walau bagaimanapun, markah yang mereka peroleh, lebih tinggi daripada markah Ujian Saringan.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dirumuskan berdasarkan kajian ini, murid-murid yang menjadi subjek kajian dapat membaca dengan lancar hasil daripada penggunaan kaedah Orton Gillingham. Murid lebih berani membunyikan huruf dan mengaitkan huruf dengan gambar. Murid juga cuba mengeja dengan menggabungkan huruf. Dengan pendekatan yang diambil untuk menggunakan kaedah ini, murid-murid dapat membaca suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan lancar.

Kaedah ini meningkatkan keyakinan diri murid-murid. Mereka mampu menerima pembelajaran secara positif. Setelah menjalani kajian menunjukkan murid-murid lebih bermotivasi untuk membaca dengan lebih berdikari. Ini terbukti apabila mereka membunyikan huruf setiap kali mereka hendak mengeja. Dengan ini, keberkesanan kaedah Orton Gillingham dapat dibuktikan.

RUJUKAN

- Goodman, K. S., Goodman, Y.M. (1979). Learning to Read Is Natural. In B. Resnick & P.A. Weaver (EDs), *Theory and Practices of Early Reading*, Vol. 1 (pp 137-154). Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Heather Macleod - Vidal & Kristina Smith (2020). *Teach Reading with Orton-Gillingham*. Berkeley: Ulysses Press
- Smith, F. (2004). *Understanding Reading*. Hillsdale, NJ: Erlbaum. Sixth Edition
- Yahya Othman (2005). *Trend dalam Penguasaan Bahasa Melayu*. PTS Publication and Distribution Sdn Bhd, KL: Malaysia
- Zulkifley Hamid (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. PTS Publication Sdn Bhd, KL: Malaysia

